

Fokus, Sabar dan Percaya pada Matlamat, Resipi Kejayaan Alumni UMS Raih Pendapatan RM4 Juta Setahun

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 16 Ogos 2019 15:33 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 88

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


JUMAAT, 16 OGOS - Fokus yang tinggi dan tetap percaya pada matlamat yang ingin dituju perlu ada dalam diri untuk terus maju ke hadapan.

Begitulah kunci kejayaan alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang berasal dari Papar, Dg Irme Hafziany Ag Yusop, 33, yang kini mampu meraih pendapatan kira-kira RM4 juta setahun melalui perniagaan bakeri dan kafe "Kak Kiah Coffee House."

Menurutnya, perniagaan tersebut dimulakan oleh ibunya yang merupakan seorang ibu tunggal pada tahun 2008 dan asalnya dilaksanakan

dengan hanya menjual kek secara kecil-kecilan.

"Pada ketika itu penjualan dibuat dari rumah sahaja dan sekadar tertumpu di bahagian Papar serta kadang kala di bazaar demi menampung kehidupan sekeluarga.

"Pada tahun 2013, berbekalkan kesabaran dan semangat yang tinggi, saya mula mengorak langkah mengembangkan perniagaan ibu ke peringkat yang lebih meluas dengan memperkenalkan "Cake in Jar" ke dalam dunia internet serta membuat penjualan secara "cash on delivery".

"Apabila permintaan semakin meningkat, saya membuka dan menjalankan perniagaan "Kak Kiah Cake House" dan juga "Kak Kiah Coffee House" dan kini perniagaan ini bukan sahaja dijalankan oleh saya sendiri malah seluruh keluarga turut serta dalam menjayakan perniagaan ini," katanya ceria.

Graduan Sarjana Muda Pendidikan di Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS itu ditemui dalam Program Jejak Alumni anjuran Pusat Kerjaya dan Alumni UMS, di pusat perniagaannya di sini, baru-baru ini.

Menurut Dg Irme, jangan sama sekali mudah berputus asa dan hilang tumpuan walaupun ada masyarakat di sekeliling yang kurang menaruh keyakinan dengan kemampuan kita.

"Sebagai makluman, pada masa kini kami telah membuka empat cawangan Kak Kiah Cofee House, satu kilang pemprosesan dan sebuah Kiosk Kak Kiah Cake House.

"Bukan itu sahaja, malah kami turut berkongsi rezeki bersama 50 ejen di seluruh Sabah dengan memasarkan Kak Kiah Cake Freezer yang mana ia boleh didapati di premis-premis terpilih di seluruh Sabah. Kita juga akan membuka cawangan di UMS yang dijadualkan mulai beroperasi pada September ini," tambahnya lagi.

Ujarnya lagi, beliau turut menanam impian agar jenama Kak Kiah akan mulai dikenali di peringkat global dan mampu memasarkan produk sehingga ke seluruh negara Asia pada 5 - 10 tahun akan datang.

Pada program Jejak Alumni itu, rombongan UMS diketuai oleh Timbalan Pengarah Pusat Kerjaya dan Alumni, Mohd. Raffie Hj. Janau dan turut disertai Ketua Bahagian Alumni, Mardena Jiwan.